

10/04/2004

Tunggu kelulusan

CADANGAN Konsortium Logistik Bhd untuk mengambil alih keseluruhan operasi perniagaan sedia ada DiPerdana Holdings Bhd masih belum mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC), kata Pengerusi Eksekutif dan presidennya Mirzan Mahathir.

Pengambilalihan itu sekiranya diluluskan akan menjadikan Konsortium penyedia logistik terbesar di negara ini.

Mirzan berkata, beliau berharap proses pengambilalihan itu akan siap pada pertengahan tahun ini kerana ia sudah melebihi tempoh.